

SOLAT JAMAK DAN QASAR

Allah SWT telah memberi kelonggaran/keringanan kpd umat Islam dlm mengerjakan ibadah solat dalam situasi tertentu khususnya ketika bermusafir. Kelonggaran ini dinamakan **RUKHSAH SOLAT**.

Sabda Rasulullah SAW ;

إن الله يحب أن تؤتى رخصه كما يكره أن تؤنى معصيته. رواه أحمد

“Sesungguhnya Allah suka dilaksanakan rukhsah (keringanan) yang diberikan olehNya seperti Allah membenci dilakukan maksiat kepadaNya”. Hadis riwayat Ahmad.

Rukhsah Solat bertujuan supaya umat Islam dapat menunaikan fardhu Solat dalam apa keadaan sekalipun, di samping membuktikan bahawa agama Islam yang mengambilkira kebajikan umat dan bukanlah agama yang menyusahkan. Allah telah mensyariatkan Solat Qasar dan Solat Jamak sebagai rukhsah bagi mereka yang bermusafir.

SYARAT-SYARAT PERJALANAN (MUSAFIR) YANG DIBENARKAN UTK SOLAT QASAR/JAMAK

1. Musafir adalah utk tujuan yang baik, bukan utk melakukan maksiat.
2. Destinasi yang dituju melalui 2 marhalah (lebih kurang 91 KM).
3. Mengetahui destinasi yang dituju (tahu jalannya, tidak tersesat).

HIKMAH DISYARIATKAN SOLAT QASAR/JAMAK

1. Meringan/memudahkan umat Islam utk menunaikan solat dalam perjalanan.
2. Tanda kasih sayang Allah kepada manusia.
3. Supaya solat fardhu dapat dilaksanakan dlm apa kedaan sekalipun.
4. Menggalakkan umat Islam bermusafir/melancong/ziarah-menziarahi bagi menambahkan keimanan dan mengeratkan tali persaudaraan.

SOLAT QASAR

Bahasa ; Pendek dan ringkas.

Istilah ; **Memendekkan solat jenis 4 rakaat kepada 2 rakaat.**

Jadi, solat yang boleh diqasarkan ialah Solat Zuhur, Asar dan Isyak.

SYARAT-SYARAT SOLAT QASAR

1. Hendaklah melepasi sempadan kawasan tempat tinggal.
2. Tidak berniat bermukim melebihi 4 hari, tidak termasuk perjalanan pergi dan balik.
3. Tidak berimamkan imam yang solat tamam (sempurna) rakaatnya.
4. Masih dlm keadaan musafir ketika mengerjakan solat Qasar.

Cara Solat Qasar

1. Dikerjakan hanya 2 rakaat.
2. Lafaz niat adalah spt berikut ;

أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ / العَصْرِ / العِشَاءِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا اللهُ تَعَالَى

Sahaja Aku solat fardhu Zohor/Asar/Isya' 2 rakaat Qasar kerana Allah Taala.

SOLAT JAMAK

Bahasa : Himpun @ kumpul

Istilah : **Menghimpunkan 2 solat fardhu dalam satu waktu dgn syarat-syarat tertentu.**

Solat Jamak adalah terdiri daripada Zohor dan Asar, Maghrib dan Isya'.

Solat Jamak terbahagi kepada ;

1. **JAMAK TAQDIM** – Menghimpunkan 2 solat Fardhu dalam waktu pertama. Cthnya menghimpunkan solat Zohor dan Asar dan menunaikannya dalam waktu Zohor.

SYARAT-SYARAT JAMAK TAQDIM

1. Niat jamak dlm waktu pertama (Zohor/Maghrib).

Niat hendaklah dilakukan dalam solat terutama ketika takbiratulihram. Walau bagaimanapun, boleh dilakukan niat semasa (pada mana-mana bahagian) solat yang pertama sekalipun semasa memberi salam. (Bukannya selepas memberi salam sbb solat sudah habis/selesai).

2. Bertertib iaitu memulakan solat yang pertama (Zohor/Maghrib), kemudian diikuti dgn solat yang kedua (Asar/Isya) kerana waktu solat Jamak Taqdim adalah untuk waktu yang pertama (Zohor/Maghrib), sedangkan solat yang kedua (Asar/Isya), adalah pengikut bagi solat yang pertama, maka mestilah solat yang diikuti (solat pertama).

Jika dilakukan solat kedua-duanya dgn didahului oleh solat yang pertama, tiba-tiba terbatal solat yang pertama kerana tidak sempurna syarat dan rukunnya, maka terbatal juga solat yang kedua. Walau bagaimanapun, solat yang kedua menjadi solat sunat mengikut pendapat yang asah.

3. Berturut-turut kedua-dua solat iaitu tidak berlaku pemisahan yang lama di antara kedua-dua solat kerana jamak telah menjadikan kedua-dua solat tersebut sebagai satu solat, maka mestilah bersambung di antara kedua-duanya seperti rakaat-rakaat solat.

Kalau dipisahkan kedua-duanya oleh masa yang panjang walaupun kerana keuzuran spt terlupa atau pitam. Maka terbatallah jamak. Maka wajiblah ditunda solat yang kedua kepada waktunya sendiri kerana tidak memenuhi syarat jamak. Walau bagaimanapun, jika dipisahkan kedua-duanya untuk tempoh sekejap spt oleh azan, iqamah dan bersuci maka tidak terbatal Jamak.

Tidak membatalkan jamak jika terpisah di antara 2 solat kerana mendapatkan sedikit air utk berwudhuk kerana perbuatan tersebut adalah keperluan solat sebagaimana Iqamah, malah lebih utama lagi kerana wudhuk adalah syarat sah solat tetapi iqamah bukan syarat.

4. Perjalanan berterusan sehingga masuk waktu solat kedua. (sekurang-kurangnya Takbiratulhram solat yang kedua). Sekalipun, selesai musafir tidak lama setelah Takbiratulhram solat yang kedua. Tetapi jika selesai musafir sebelum memulakan solat yang kedua, maka tidak sah jamak kerana hilang sebab yang membolehkannya.

5. Kekal waktu solat yang pertama dengan yakin sehingga mendirikan solat yang kedua.

6. Zan (sangkaan yang kuat) bahawa solat yang pertama itu sah.

Cara melakukan solat JAMAK TAQDIM

1. Sunat @ afdhal melakukan solat waktu pertama dahulu (Zohor/Maghrib) kemudian diikuti oleh Solat Waktu kedua (Asar/Isya')
2. Selepas salam solat pertama, sunat iqamah dan kemudian dirikan solat yang kedua.
3. Contoh lafaz niat Solat JAMAK TAQDIM

Solat Zohor dan Asar Jamak Taqdim

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ العَصْرِ جَمَعَ تَقْدِيمًا لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Zohor 4 rakaat dihimpunkan solat Asar kepadanya
Jamak Taqdim kerana Allah Taala.*

أُصَلِّيَ فَرَضَ العَصْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الظُّهْرِ جَمَعَ تَقْدِيمًا لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Asar 4 rakaat dihimpunkan kepada Zohor
Jamak Taqdim kerana Allah Taala.*

Solat Maghrib dan Isya' Jamak Taqdim

أُصَلِّي فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعِشَاءِ جَمَعَ تَقْدِيمًا لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Maghrib 3 rakaat dihimpunkan solat Isya' kepadanya
Jamak Taqdim kerana Allah Taala.*

أُصَلِّي فَرَضَ الْعِشَاءِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الْمَغْرِبِ جَمَعَ تَقْدِيمًا لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Isya' 4 rakaat dihimpunkan kepada Maghrib
Jamak Taqdim kerana Allah Taala.*

2. **JAMAK TA'HIR** - Menghimpunkan 2 solat Fardhu dalam waktu kedua. Cthnya menghimpunkan solat Zohor dan Asar dan menunaikannya dalam waktu Asar.

SYARAT-SYARAT SOLAT JAMAK TA'HIR

1. Berniat melakukan solat Jamak Taqdim dalam waktu pertama (Zohor/Maghrib).

Niat hendaklah dilakukan sebelum habis waktu solat yang pertama. Sekalipun waktu yang masih ada itu sekadar satu rakaat sahaja.

2. Masih dalam perjalanan sehingga kedua-dua solat selesai didirikan.

* Tertib tidak menjadi wajib kerana waktu bagi solat yang kedua (Asar/Isya'), telah masuk waktu bagi solat yang pertama (Zohor/Maghrib). Oeh itu boleh didahulukan mana-mana solat sama ada solat pertama atau solat kedua.

Cara melakukan solat JAMAK TA'HIR

1. Sunat @ afdhal melakukan solat waktu kedua dahulu (Asar/Isya') kemudian diikuti oleh Solat Waktu pertama (Zohor/Maghrib)
2. Selepas salam solat waktu kedua, sunat iqamah dan kemudian dirikan solat waktu yang pertama.
3. Contoh lafaz niat Solat JAMAK TA'HIR

Solat Zohor dan Asar Jamak Ta'hir

أُصَلِّي فَرَضَ الْعَصْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الظُّهْرِ جَمَعَ ۞ تَأْخِيرًا لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Asar 4 rakaat dihimpunkan kepada Zohor
Jamak Ta'hir kerana Allah Taala.*

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى العَصْرِ جَمَعَ تَأْخِيرٍ لِّلَّهِ تَعَالَى

*Asar kepadanya rakaat dihimpunkan solat 4 fardhu Zohor Sahaja Aku solat
Jamak Taqdim kerana Allah Taala*

Solat Maghrib dan Isya' Jamak Ta'hir

أُصَلِّيَ فَرَضَ العِشَاءِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ المَغْرِبِ جَمَعَ تَأْخِيرٍ لِّلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Isya' 4 rakaat dihimpunkan kepada Maghrib
Jamak Ta'hir kerana Allah Taala.*

أُصَلِّيَ فَرَضَ المَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى العِشَاءِ جَمَعَ تَأْخِيرٍ لِّلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Maghrib 3 rakaat dihimpunkan solat Isya' kepadanya
Jamak Ta'hir kerana Allah Taala.*

SOLAT QASAR DAN JAMAK

Selain drp melakukan solat secara Qasar @ Solat secara Jamak, kita juga diharuskan utk mengerjakan Solat Qasar dan Jamak.

Cara mengerjakan Solat Qasar dan Jamak.

Cara mengerjakan Solat Qasar dan Jamak adalah sama spt mengerjakan solat Jamak Taqdim dan Solat Jamak Ta'hir, Cuma ditambah Qasar sahaja... iaitu Solat Zohor/Asar/Isya' menjadi 2 rakaat sementara solat Maghrib kekal 3 rakaat.

Contoh Lafaz Niat Solat Qasar dan Jamak.

Solat Zohor dan Asar Jamak Taqdim dan Qasar.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ العَصْرِ جَمَعَ تَقْدِيمٍ لِّلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Zohor 2 rakaat Qasar dihimpunkan solat Asar kepadanya
Jamak Taqdim kerana Allah Taala.*

أُصَلِّيَ فَرَضَ العَصْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَى الظُّهْرِ جَمَعَ تَقْدِيمٍ لِّلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Asar 2 rakaat Qasar dihimpunkan kepada Zohor
Jamak Taqdim kerana Allah Taala.*

Solat Maghrib dan Isya' Jamak Taqdim dan Qasar.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعِشَاءِ جَمْعَ تَقْدِيمٍ لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Maghrib 3 rakaat dihimpunkan solat Isya' kepadanya
Jamak Taqdim kerana Allah Taala.*

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَى الْمَغْرِبِ جَمْعَ تَقْدِيمٍ لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Isya' 2 rakaat Qasar dihimpunkan kepada Maghrib
Jamak Taqdim kerana Allah Taala.*

Solat Zohor dan Asar Jamak Ta'hir dan Qasar.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعَصْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الظُّهْرِ جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Asar 2 rakaat dihimpunkan kepada Zohor
Jamak Ta'hir kerana Allah Taala.*

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَى الْعَصْرِ جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Zohor 2 rakaat dihimpunkan solat Asar kepadanya
Jamak Taqdim kerana Allah Taala.*

Solat Maghrib dan Isya' Jamak Ta'hir dan Qasar.

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْمَغْرِبِ جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Isya' 2 rakaat dihimpunkan kepada Maghrib
Jamak Ta'hir kerana Allah Taala.*

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الْعِشَاءِ جَمْعَ تَأْخِيرٍ لِلَّهِ تَعَالَى

*Sahaja Aku solat fardhu Maghrib 3 rakaat dihimpunkan solat Isya' kepadanya
Jamak Ta'hir kerana Allah Taala.*